

Bomba guna anjing pengesanan siasat lokasi kebakaran

KUALA LUMPUR: Pasukan forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berada di Tingkat 17, Blok 70 Flat Sri Sabah, Cheras di sini, malam semalam bagi menjalankan siasatan berhubung punca kebakaran yang memusnahkan lima kediaman di situ.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati dua pegawai dan enam anggota penyiasat kebakaran bomba hadir di lokasi kira-kira pada 11 pagi bersama dua anjing pengesanan (K9), Jim dan Woody.

Mereka dilihat membawa tiga unit dron ke lokasi yang dipercayai digunakan untuk membantu siasatan dan pemantauan di lokasi.

Mereka seterusnya ke lokasi kebakaran di tingkat 17 dengan sepasukan anggota polis membuat kawalan di

tingkat terbabit.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaludin berkata, usaha mengenal pasti punca kebakaran masih berjalan.

“Siasatan masih dijalankan Unit Forensik, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM),” katanya.

Sementara itu, penduduk di Blok 70 kini terjejas bekalan air kerana difahamkan kebakaran di tingkat paling atas itu menjejaskan tangki air di blok berkenaan sehingga menjejaskan bekalan air.

Ramai penduduk kini berulang alik mengambil air daripada dua tangki besar yang disediakan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bahagian bawah blok berkenaan untuk kegunaan seharian.